

25 AUG 2020

HARIAN METRO

Menteri santuni transgender dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: "Dalam masa terdekat, kami sendiri akan turun bertemu komuniti transgender," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Beliau mengulas isu usahawan kosmetik, Safiey Ilias yang secara terbuka mendedahkan mengenai pembedahan wajah yang dilakukannya kepada umum.

Zulkifli berkata, pihaknya juga mengadakan pertemuan dengan semua penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) bagi membincang-



kan isu transgender ini.

"Isu ini perlu dilihat secara holistik dan langkah yang diambil perlu berhemah.

"Kita mahu ada keseda-

ran terhadap individu berkenaan sebagai seorang Muslim.

"Kita juga mahu membantu mereka untuk menjadi Muslim yang baik," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Ditanya adakah sebarang tindakan

boleh dikanal terhadap individu seperti Sa-

fiey, beliau berkata, ia hanya boleh dibuat apabila terdapat laporan kepada jabatan agama Islam ne-



**"
Kita juga mahu
membantu mereka
untuk menjadi
Muslim yang baik
Dr Zulkifli**

geri di atas akta berkaitan jenayah orang Islam.

Beliau hadir merasmikan program Semarak Dakwah oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) yang akan berlangsung pada 30 Ogos ini.

Program Semarak Dakwah yang diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan itu termasuk sesi kaunseling, santai anak muda, ziarah prihatin, program bina insan

dan program hiburan Islam.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan Safiey menjalani proses pembedahan kosmetik pada wajah, payudara dan punggung dengan kos yang mencecah dari RM1 juta hingga RM2 juta.

Dalam laporan sama, Safiey mendedahkan pada bahagian wajah saja dia sudah membelanjakan hampir RM300,000 bersamaan dengan harga sebuah kereta mewah Ford Mustang.